

Bazar Wisma Putra kutip RM100,000

KUALA LUMPUR 17 April -
Persatuan Wanita
Kementerian Luar
(Perwakilan) berjaya
mengutip RM100,000
sempena Bazar
Kebajikan
Antarabangsa Wisma
Putra 2011 untuk
disalurkan kepada
beberapa wad pediatrik
dan pertubuhan sekitar
ibu negara.

Penaungnya, Datin
Seri Siti Rubiah Abdul
Samad berkata, kutipan
itu hasil sewa tapak
ruang niaga di bazar
selama dua hari yang
akan berakhir esok.

“Apa yang kami
perolehi hari ini
memang mengejutkan
kerana program ini
pertama kali dianjurkan
namun mendapat
sambutan luar biasa
daripada
peniaga-peniaga
tempatan dan
antarabangsa,” katanya
selepas merasmikan
pembukaan bazar itu di
sini semalam.

Sebanyak 38
kedutaan asing
menyertai bazar itu
yang dibahagikan
kepada lima segmen.